

# PPZ-MAIWP, Bank Rakyat dan UMSKAL lancar Projek Asnafpreneur 2.0

UB 28.06.2024 P.03

**LABUAN:** Pusat Pungutan Zakat Majelis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) dengan kerjasama Bank Rakyat dan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) melancarkan Projek Asnafpreneur Bank Rakyat 2.0 pada Khamis.

Pengeluaran projek 2.0 ini adalah lanjutan daripada inisiatif tiga institusi ini dalam membantu usahawan asnaf berpotensi di Wilayah Persekutuan Labuan.

Bagi memantapkan ke mahiran keusahawanan di samping mengembangkan lagi perniagaan sedia ada mereka.

Seramai 50 peserta yang dipilih oleh MAIWP bakal menerima suntikan dana RM5,000 seorang menerusi dana wakalah Bank Rakyat dengan jumlah keseluruhan sumbangan bernilai RM250,000.

Selain itu, usahawan ini juga akan diberikan bimbingan menerusi sistem coaching dan monitoring oleh pihak UMSKAL secara berkala dalam tempoh 6 bulan bagi mengukuhkan kebolehan berniaga peserta.

Ketua Wilayah Sabah Bank Kerjasama Rakyat Malaysia, Md. Azmi Mohd Taib berkata, projek Asnafpreneur ini mencerminkan komitmen berterusan Bank Rakyat

dalam membantu membina masyarakat yang progresif dan inklusif melalui inisiatif pembangunan pemerkerasan usahawan, khususnya bagi meningkatkan status komuniti asnaf demi kesejahteraan dan kemakmuran ekonomi masyarakat Madani.

"Menerusi inisiatif ini, Bank Rakyat berharap agar dapat terus membantu meningkatkan keupayaan usahawan asnaf dalam membentuk kedudukan kewangan yang lebih kukuh bagi menghadapi cabaran atau rintangan kewangan di luar jangkaan pada masa hadapan, selain memberi peluang baharu buat usahawan asnaf di Labuan untuk lebih produktif dan berdaya saing serta maju dalam sektor keusahawanan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan Projek Asnafpreneur Bank Rakyat 2.0 dengan kerjasama PPZ-MAIWP dan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) UMS di Bilik Eureka, UMSKAL.

Turut hadir Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinal dan Timbalan Pengurus MAIWP Cawangan Labuan, Mohd Radzaleih Matusin.

Pada tahun 2023, Bank Rakyat menerusi dana waka-

lah perniagaannya telah menyumbangkan sebanyak RM150,000 kepada 30 orang usahawan asnaf Labuan dengan setiap peserta menerima sumbangan sebanyak RM5,000 seorang.

Sementara itu, Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Mohamad Rizal Abdul Hamid berkata, kerjasama seumpama ini perlu diperbincangkan lagi kerana salah satu daripada fungsi UMSKAL adalah untuk berkhidmat kepada masyarakat setempat dan projek Asnafpreneur Bank Rakyat 2.0 ini telah memberikan platform tersebut untuk komuniti Wilayah Persekutuan Labuan sempena menyambut ulangtahun UMS ke-30 tahun.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif PPZ-MAIWP, Datuk Haji Abdul Hakim Amir Osmana percaya bahawa projek ini secara tidak langsung telah mengukuhkan lagi jalinan kerjasama di antara PPZ-MAIWP dengan Bank Rakyat dan juga UMSKAL.

"Jalinan kerjasama di antara tiga inisiatif untuk program ini sekali lagi membuktikan bahawa setiap pihak memainkan peranan dan bertanggungjawab dalam membangunkan pertumbuhan ekonomi yang seimbang dalam masyarakat.

"Diharapkan agar projek



**CENDERAMATA:** Dr. Mohamad Rizal (dua kanan) menyampaikan cenderamata kepada Md. Azmi disaksikan Abdul Hakim (dua kiri), Dr Geoffrey (kiri) dan Mohd Radzaleih.



**PRODUK:** Dr. Mohamad Rizal (dua kiri) dan Abdul Hakim (kanan) menunjukkan produk PPZ MAIWP.

kali kedua ini akan membuka peluang dan lembaran baru kepada usahawan asnaf yang terpilih dalam menambah baik kehidupan mereka dan seterusnya menjadi pembayar zakat pada masa akan datang," katanya.

PPZ-MAIWP menyeru syarikat korporat untuk menunaikan zakat di PPZ-MAIWP agar lebih ramai asnaf di Wilayah Persekutuan, termasuk Labuan dapat dibantu.

Pada masa sama, pembayar juga berpeluang untuk menang Skim Wakalah iaitu dasar pengembalian semula wang zakat bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan termasuk kakitangan mereka.




**PRIHATIN:** Dari kanan, Dr Geoffrey, Abdul Hakim, Md. Azmi, Dr. Mohamad Rizal dan Mohd Radzaleih bersama 10 usahawan asnaf.



**KERJASAMA:** Dr Geoffrey menerima dokumen kerjasama antara PPZ-MAIWP dan UMSKAL daripada Abdul Hakim.



**LAWATAN:** (Dari kanan) Md. Azmi, Dr. Mohamad Rizal dan Abdul Hakim melawat ke keruai asnaf di ruang legar Menara UMSKAL



**PENGANJUR:** Pensyarah FKAL bergambar bersama tetamu.